



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 MEI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENJIMATAN SUBSIDI AYAM DISALUR KEPADA SEKTOR TERNAKAN LEBIH FOKUS, NASIONAL, SINAR HARIAN - 21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TVET LONJAK PENDAPATAN ANAK MUDA HINGGA RM8,000, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 11	BAHAGIAN PEMBANGUNAN KAPASITI DAN LATIHAN PERTANIAN
3.	PPM RAMPAS DAGING SEJUK BEKU RM5 JUTA, LOKAL, HARIAN METRO - 7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	PENGUNJUNG PERSOAL JETI ROSAK, DAKWA PEMBAZIRAN, NASIONAL, SINAR HARIAN – 23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	TARIKAN MUSIM DURIAN DI BANJARAN NAKAWAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Penjimatan subsidi ayam disalur kepada sektor ternakan lebih fokus

SHAH ALAM - Langkah kerajaan menamatkan kawalan harga dan subsidi ayam antara lain bagi memastikan penjimatan diperoleh dapat disalurkan semula kepada sektor ternakan secara lebih berfokus dan strategik.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkara tersebut termasuk usaha membuka semula reban-reban ayam yang ditinggalkan dan menaik taraf kepada sistem reban tertutup.

Menurutnya, kerajaan juga mengambil inisiatif menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pen-ternak bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran ayam negara secara mampan dan berdaya saing.

"Setiap langkah diambil berdasarkan kajian, libat urus dan pertimbangan menyeluruh demi memastikan kestabilan ekonomi serta kesejahteraan rakyat secara berterusan.

"Tiada mana-mana kerajaan waras mahu menyusahkan rakyat, apatah lagi menghancurkan negara sendiri," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Selasa.



MOHAMAD

Hantaran itu susulan laporan *Sinar Harian* bahawa Kompleks Reban Ayam Tertutup Baruh Masin di Hulu Besut yang sebelum ini terbiar berjaya dibaik pulih dan dinaik taraf dengan kos melebihi RM700,000, sekali gus mula beroperasi tampung permintaan pasaran.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Datuk Dr Azman Ibrahim berkata, usaha membaik pulih reban ayam tersebut dijalankan dengan peruntukan kewangan oleh KPKM.

Mohamad mengingatkan rakyat perlu bersikap adil dan terbuka dalam menilai setiap dasar diperkenalkan kerajaan.

Dalam masa sama, beliau berkata, adalah penting untuk rakyat sedar tidak semua dasar dan keputusan kerajaan akan memberi impak serta-merta.

"Ada inisiatif ambil masa tunjuk hasil dan ada juga perlukan beberapa tahun sebelum kesannya benar-benar dirasakan rakyat dan negara," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

TVET lonjak pendapatan anak muda hingga RM8,000

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Oleh **FADZIL ZAINOL**
utusannews@mediamula.com.my

KUALA KANGSAR: Meninggalkan minat bermotosikal menjadi antara cabaran seorang pemuda di sini, bagi meneruskan usaha pertanian jagung manis yang dimulakan oleh arwah bapanya.

Rezeki memihak Muhammad Hafizie Alwi, 28, apabila keputusan untuk memenuhi cita-cita bapanya itu berjaya sehingga anak jati Kuala Kangsar itu kini bergelar petani muda.

Bermula dengan keluasan tanah dua ekar milik bapanya pada tahun 2015, Hafizie kini mengusahakan tanaman di atas tanah bersaiz lebih lapan hektar itu termasuk tanah dipajak daripada penduduk di Kampung Ujung Tanjung, Lubuk Merbau dekat sini.

Katanya, tanamannya kini dianggarkan mempunyai kapa-



MUHAMMAD Hafizie Alwi mengusahakan ladang jagung di Kuala Kangsar. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

siti 105,000 pokok jagung, yang boleh dikutip hasil secara berjadual.

"Saya dulu belajar dalam bidang permotoran. Memang minat motosikal sehingga membuka bengkel sendiri. Namun saya belajar sedikit demi sedikit untuk menguruskan tanaman ini. Lega kerana ia membuahkan

hasil dan menjadi sumber pendapatan saya," katanya.

Jualan bulanan yang berjaya diraih oleh Hafizie mampu mencecah sehingga RM8,000, melonjak daripada RM4,000 sewaktu peringkat awal dia terlibat dengan penanaman tersebut.

Dia gembira apabila setiap kali buah dikutip selang 70 hari,

kesemuanya akan diambil oleh pemborong termasuk batang pokok yang digunakan sebagai makanan ternakan.

Katanya, tanaman diusahakan semakin berkembang terutama dengan khidmat nasihat dan padanan perniagaan oleh Jabatan Pertanian negeri.

"Kini saya cuba meneroka tanah baharu untuk menambahkan tanaman bagi memenuhi permintaan," katanya yang memberitahu jagung dibekalkannya kemudian diproses menjadi produk makanan bertin dan sejuk beku.

Perkembangan ini selari dengan pelan Perak Sejahtera 2030 di bawah Niche daerah Kuala Kangsar sebagai Koridor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Malaysia iaitu Agromakanan Perak - Lembah Makanan Negara.

Ia juga menepati Flagship pertama Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) dan Flagship kelima, Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang dicetuskan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad bagi membawa negeri ke arah kemajuan.

Pulau Nangka, yang diwartakan sebagai Taman Laut Negara sejak April 2023 bersama dua lagi pulau di Melaka, sepatutnya menjadi tarikan baharu pelancongan marin. Namun, pembinaan jeti bernilai RM460,000 di pulau itu kini mengundang persoalan selepas runtuh dalam tempoh kurang dua tahun.

Pengunjung dan penduduk setempat meluahkan rasa kecewa terhadap mutu pembinaan yang didakwa tidak mengambil kira faktor arus laut kuat. Keadaan ini bukan sahaja menyusahkan pelancong, malah mencemarkan pemandangan kawasan perlindungan tersebut.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian* NOR FARHANA YACOB menyingkap keluhan pengunjung dan penduduk setempat berhubung isu berkenaan.

PULAU Nangka merupakan antara tiga pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut Negara pada 4 April 2023 bagi memperkasakan sektor pelancongan negeri ini, khususnya dalam aktiviti riadah dan marin termasuk menyelam skuba.

Namun, pembinaan jeti di pulau berkenaan bagi memberi kemudahan kepada pengunjung, dipercayai runtuh dan mengalami kerosakan teruk walaupun belum mencecah usia dua tahun. Projek tersebut melibatkan kos sebanyak RM460,000.

Pengunjung ke Taman Laut Pulau Nangka mempersoalkan keadaan jeti sepanjang 75 meter itu yang dikatakan 'cacat' kerana rosak teruk dalam tempoh yang singkat sejak pembinaannya.

Seorang pengunjung, Abdul Rashid berkata, pembinaan jeti tersebut sepatutnya mengambil kira faktor geografi serta kekuatan arus laut yang sememangnya tidak sesuai untuk struktur berkenaan.

"Agak malang apabila kemudahan yang menelan kos ratusan ribu ringgit ini tidak lagi boleh digunakan."

"Sepatutnya kajian terperinci dilakukan terlebih dahulu, terutama berkaitan kekuatan arus, kerana kawasan ini memang beraus kuat dan tidak sesuai untuk binaan jeti jenis itu," katanya.

Bagi Rahmad Ibrahim, jeti yang rosak dalam tempoh singkat itu merupakan satu pembaziran yang mencacatkan pemandangan dan menyusahkan pengunjung.

"Struktur jeti ini musnah akibat dipukul ombak dan arus laut, sedangkan ia belum pun digunakan selama dua tahun."

"Ketidadaan jeti menyukarkan pengunjung untuk naik ke pulau, lebih-lebih lagi ketika air surut," katanya.

Sementara itu, seorang nelayan yang hanya mahu dikenali sebagai Rahim berkata, jeti lain yang dibina di Pulau Lalang turut musnah akibat faktor alam, manakala hanya jeti di Pulau Besar masih kekal.

Pengunjung persoal jeti rosak, dakwa pembaziran



Keadaan struktur jeti di pulau itu yang berselerak biarpun didakwa tidak sampai dua tahun tempoh pembinaannya.



Struktur jeti di Taman Laut Pulau Nangka yang mengalami kerosakan akibat dipukul ombak.



Jeti di Pulau Besar didakwa turut mengalami beberapa kerosakan akibat arus air laut dan ombak.

Jabatan Perikanan akan bina jeti konkrit

JABATAN Perikanan Malaysia Negeri Melaka memberitahu bahawa pihaknya mengambil maklum berkenaan kerosakan jeti di Pulau Nangka.

Dalam kenyataan rasmi, jabatan tersebut menyatakan bahawa kerja-kerja memindahkan struktur platform dan tiang sedia ada ke lokasi lain akan dilakukan pada awal Jun, bagi mengelakkan gangguan terhadap keselamatan pengunjung dan laluan bot ke pulau itu.

"Pihak jabatan juga dalam perancangan untuk membina jeti baharu menggunakan struktur konkrit me-



DR MUHAMAD AKMAL

nerusi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)," katanya.

Tambah kenyataan itu, perbincangan dengan agensi kerajaan negeri berkaitan akan diadakan bagi merealisasikan pembinaan jeti konkrit yang lebih tahan cuaca dan arus laut.

Sementara itu, Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Dr

Muhamad Akmal Saleh ketika dihubungi berkata, jeti tersebut telah melalui dua kali kerja pengubahsuaian, namun tetap mengalami kerosakan disebabkan ribut dan ombak kuat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

OP TARING KHAZANAH

PPM rampas daging sejuk beku **RM5 juta**

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching

Pasukan Polis Marin (PPM) merampas daging sejuk beku bernilai lebih RM5 juta dalam serbuan Op Taring Khazanah di Miri, Khamis lalu.

Pemangku Komander PPM Wilayah 5 Superintendan Rusdin Banin berkata, serbuan dilakukan di dua premis di Jalan Lopeng Bypass, Miri yang dijadikan sebagai stor penyimpanan daging sejuk beku.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati pelbagai jenis daging sejuk beku disyaki diimport untuk jualan tanpa dokumen yang sah.

“Dalam serbuan pertama, seorang lelaki disyaki sebagai penjaga premis ditahan”

Pemangku Komander PPM Wilayah 5 Superintendan Rusdin Banin



ANGGOTA PPM Wilayah 5 memeriksa premis penyimpanan daging sejuk beku di Miri.

“Dalam serbuan pertama, seorang lelaki disyaki sebagai penjaga premis sudah ditahan bagi membantu siasatan.

“Kami turut memeriksa sebuah lori lima tan yang dipandu oleh lelaki tempatan kerana membawa muatan pelbagai jenis daging sejuk beku disyaki diimport untuk jualan di pasaran tempatan tanpa do-

kumen yang sah,” katanya.

Katanya, dalam serbuan di sebuah premis berasingan yang dijadikan stor penyimpanan daging sejuk beku, pihaknya turut menahan seorang lagi lelaki dipercayai penjaga premis.

“Tangkapan dan rampasan dibuat mengikut Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 dan diserahkan

kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk siasatan lanjut.

“Siasatan juga dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta KPND (Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan Larangan Import) 2021 dan Akta Pelesenan,” katanya.

Katanya, jumlah keseluruhan rampasan bernilai kira-kira RM5.4 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	29

Tarikan musim durian di Banjaran Nakawan

KANGAR: Selain pemandangan indah, Banjaran Nakawan sepanjang 36 kilometer dari Bukit Batu Putih, Kuala Perlis ke Wang Kelian juga mempunyai tarikan dengan kewujudan dusun durian yang berusia lebih 200 tahun.

Terdapat lebih 200 dusun di sepanjang laluan di Banjaran Nakawan yang berlatar belakang Bukit Wang Gunung di sini dan musim raja buah berkenaan kini sudah bermula dan dijangka sehingga awal Ogos depan.

Pada musim ini, ada dusun-dusun yang hasilnya dijangka menurun sekitar 40 peratus berbanding tahun lalu namun kualiti buah pada tahun ini adalah lebih baik.


Ketua Komuniti Wang Gunung, Hamizat Had berkata, kebanyakan dusun di Banjaran Nakawan ada yang berusia lebih 200 tahun termasuk di dusun miliknya yang berkeluasan 1.3 hektar di Bukit Wang Angin.

Katanya, setiap musim durian, dusun-dusun berkenaan mampu menghasilkan lebih 3,000 biji durian atau sekitar enam tan metrik buah tersebut.

“Dengan keunikan geologi Banjaran Nakawan dan kekayaan hasil dusun, musim durian tahun ini merupakan peluang terbaik untuk merasai sendiri kelazatan durian tempatan sambil menikmati keindahan alam semula jadi di sini.

“Pengalaman meneroka denai Banjaran Nakawan sambil menikmati durian setiap kali musim merupakan tarikan baharu yang jarang terdapat di tempat-tempat lain.

“Durian di Banjaran Nakawan juga mempunyai keunikan tersendiri atas faktor bentuk muka bumi dan tanah yang mempunyai unsur batu kapur. Rasa durian juga mempunyai perbezaan berbanding durian-durian lain,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.



HAMIZAT Had memotong durian di dusun miliknya yang berkeluasan 1.3 hektar di Bukit Wang Angin, Banjaran Nakawan, Perlis. - **UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**